

# UPM tubuh Akademi Sukan

Mempertingkatkan prestasi melalui pendekatan profesional dan saintifik

Oleh NORAINON OTHMAN  
norainon@hmetro.com.my

SERDANG: Universiti Putra Malaysia (UPM) menubuhkan Akademi Sukan yang akan beroperasi mulai 1 Januari depan dalam usaha menambahkan bilangan tenaga profesional dan ahli sukan terlatih.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Muhamad Zohadie Bardaie, berkata penubuhannya akan memberi banyak manfaat seperti mempertingkatkan prestasi sukan melalui pendekatan profesional dan saintifik dalam sukan yang dikenalpasti dan menambah sumber manusia terlatih dalam bidang sukan berkenaan dari segi kuantiti dan kualiti.

Menurutnya, bagi peringkat permulaan, akademi itu menubuhkan empat laborator yang menumpukan kepada empat bidang sukan iaitu golf, ekuin, badminton dan ragbi yang dipilih berdasarkan beberapa faktor seperti kepakaran, prasarana dan potensi.

"Akademi ini akan membuka peluang latihan bertaraf profesional kepada badan sukan dan masyarakat, membantu perkembangan sukan dengan melahirkan pemain profesional bertaraf dunia serta meningkatkan manfaat ekonomi melalui kemajuan industri sukan.

"Jika dulu ahli sukan hanya menggunakan fizikal dan mental, tetapi kini kami akan turut menyelitkan unsur sains dan teknologi untuk meningkatkan mutu persembahan mereka," katanya.

Hadir sama dalam sidang akhbar semalam ialah Pengerusi Lembaga



MUHAMAD ZOHADIE... banyak beri manfaat.

Pengarah UPM, Dr Ramly Ahmad.

Dr Muhamad Zohadie berkata, kursus yang ditawarkan bergantung kepada keperluan dan pihaknya akan bekerjasama dengan persatuan sukan berkaitan dan jurulatih.

"Tenaga pengajar Akademi Su-

kan adalah yang sedia ada dan jika perlu, kita akan mendapatkan khidmat tenaga pengajar dari luar negara. Walaupun status akademi ini setara dengan fakulti, tetapi cara beroperasi berlainan. Ia tidak seperti fakulti lain yang mempunyai kepakaran tetap.

"Sebaliknya, fakulti lain seperti kejuruteraan, perubatan dan pendidikan akan menyumbang kepakaran dalam akademi ini yang beroperasi di Kompleks Stadium di sini," katanya.

Sementara itu, katanya, UPM akan menandatangani perjanjian persefahaman dengan Tokyo University of Agriculture (TUA) untuk mengadakan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pertukaran pelajar dan pegawai.

Beliau berkata, UPM juga aktif menghasilkan penemuan penyelidikan yang terkehadapan.

"Tahun ini UPM berjaya merekabentuk tiga hasil penyelidikan, termasuk dua yang sudah dipatenkan di United Kingdom dan Amerika Syarikat.

"Alat yang direkabentuk itu digunakan untuk mengukur kekerasan tanah, batu dan konkrit, manakala projek latexometer digunakan untuk mengukur kepekatan susu getah.

"Alat lain ialah 'Interlocking Mortarless Load Bearing' iaitu komponen yang digunakan untuk mempercepatkan pembinaan rumah," katanya.